



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	17/9/2019	MUKA SURAT	:	4
JABATAN	:	SPAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Sains bantu bekal air ke Melaka

SEREMBAN - Kerajaan Negeri Sembilan menerusi Syarikat Air Negeri Sembilan (Sains) membekalkan air bersih ke Melaka bagi membantu negeri itu yang ketika ini berdepan krisis bekalan air.

Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, setakat ini paras empangan di negeri ini berada pada tahap baik selain mencukupi untuk dikongsi ke beberapa kawasan yang terjejas di Melaka.

"Kita tahu masalah air di negeri Melaka pada masa ini agak meruncing dan ketika pergi ke Melaka dua hari lalu saya dimaklumkan mereka memerlukan bekalan air.

"Kita memang mempunyai perjanjian persefahaman (MoU) dengan kerajaan Melaka bagi membekalkan air bersih dan empangan kita pun setakat ini tidak ada satu pun yang berada pada paras kritikal," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Karnival Hari Malaysia 2019 Dewan Undangan Negeri Sikamat di



PENDUDUK mengambil bekalan air daripada lori tangki di Kampung Pantai Rombang, Tanjung Kling, Melaka baru-baru ini.

sini semalam.

Mengulas lanjut, Aminuddin berkata, bantuan bekalan air bersih itu berdasarkan MoU antara Sains dan kerajaan negeri Melaka menerusi Syarikat Air Melaka Berhad pada 19 Jun lalu.

Menerusi perjanjian itu, Sains akan membekal 12 juta liter air bersih tambahan sehari pada kadar RM1.40 untuk setiap meter padu

berkuat kuasa 19 Jun lalu hingga 31 Disember tahun depan.

Pada Sabtu lalu, Ketua Menteri Melaka, Adly Zahari berkata, purata hujan yang rendah menyebabkan paras air di empangan negeri, takungan dan Sungai Melaka merosot dan menyebabkan beberapa kawasan di negeri itu mengalami gangguan bekalan air. - Bernama